

SOALAN LAZIM UNIT DANA

Soalan 1:

Adakah pegawai yang **mengangkut barang-barang** melalui **jalan darat** dan **jalan laut** layak menuntut **Pemberian Pindahan**?

Jawapan :

Perbezaan **Jalan Darat dan Jalan Laut** adalah seperti berikut:

Jalan Darat: Layak. Pegawai layak menuntut Pemberian Pindahan kerana Tuntutan Tambang mengangkut barang melalui jalan darat adalah berdasarkan kadar di Jadual 1, PP WP 1.2 yang tidak mengambil kira bayaran/kos bagi unsur bungkus-membungkus, bayaran buruh, bayaran stor, insurans dan perbelanjaan lain yang berkaitan.

- **SILA RUJUK PEKELILING WP 1.2**

Jalan Laut : Pegawai tidak layak menuntut Pemberian Pindahan sekiranya tuntutan **kos pengangkutan barang-barang telah termasuk unsur-unsur bungkus-membungkus, bayaran buruh, bayaran stor, insurans dan perbelanjaan lain yang berkaitan yang perlu ditanggung oleh pegawai** untuk mengemas dan menjaga keselamatan barang-barangnya. Jabatan perlu menyemak resit-resit/invois/bil bagi menentukan kelayakan pegawai untuk menuntut Pemberian Pindahan.

- **SILA RUJUK PEKELILING WP 1.2**
Para 3.1.1.12 bagi kelayakan pegawai

SOALAN

Sekiranya seseorang pegawai berkeluarga memenuhi syarat-syarat bertukar ke luar stesen di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2/2013, apakah elaun-elaun yang layak dituntut?

JAWAPAN

Secara prinsipnya seseorang pegawai yang berkeluarga bertukar ke luar stesen layak menuntut perkara-perkara berikut:

- Tambang Pengangkutan Kenderaan;
- Elaun Gantian Makan;

- Bayaran Sewa Hotel/ Elaun Lojing;
- Tambang Pengangkutan Barang;
- Pemberian Pindahan;
- Tambang perjalanan bagi diri dan keluarga berdasarkan Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam;
- Belanja Pelbagai.

Pegawai yang bertukar secara berseorangan (tanpa membawa keluarga) hanya layak menuntut elaun pertukaran seperti Bayaran Sewa Hotel, Elaun Gantian Makan dan Tambang Perjalanan atas Kadar Bujang (seorang) terlebih dahulu. Apabila keluarga pegawai datang kemudian, pegawai layak menuntut baki elaun yang sepatutnya dituntut.

Jika pegawai dan isteri/suami pegawai adalah kakitangan Kerajaan/Swasta, hanya salah seorang sahaja layak membuat tuntutan bayaran tersebut berdasarkan kepada kadar kelayakan pegawai atau kadar kelayakan isteri/suami pegawai, mengikut mana yang lebih tinggi.

SOALAN

Bolehkah Jabatan membayar Caj Perkhidmatan dan Cukai Perkhidmatan yang dikenakan bagi belanja dobi sekiranya seseorang pegawai mengemukakan resit bagi Tuntutan Belanja Dobi bagi tugas rasmi dan di resit berkenaan ada dikenakan Caj Perkhidmatan dan Cukai Perkhidmatan?

JAWAPAN

Tuntutan ke atas Caj Perkhidmatan dan Cukai Perkhidmatan yang dikenakan bagi belanja dobi boleh dibayar sekiranya ia adalah bayaran wajib bagi perkhidmatan tersebut.

Ini selaras dengan prinsip Bayaran Sewa Hotel seperti mana ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 1.10/2013.

SOALAN

Apakah perbezaan di antara kod pembekal 10001 dan 10009?

JAWAPAN

No.	Kod Vendor OTV	Nama Vendor OTV	Keterangan Bagi Penerima Bayaran Vendor OTV
1	10001	EMP2 – Pendapatan Bercukai	Penerima bayaran untuk pegawai/kakitangan awam yang belum didaftarkan di dalam kategori Kod Vendor EMP atau pegawai/kakitangan awam yang di bawah arahan Tahan Gaji atas sebab tertentu.
2	10009	OTV Arahan Pembayaran	Penerima bayaran yang tidak didaftarkan di dalam Data Induk Penerima Bayaran iGFMS bagi bayaran secara one-off yang dikhususkan untuk Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan sahaja